# ISLAM ITU MUDAH
## SURAH AL-MA'IDAH : 101

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسۡـَٔلُواْ عَنۡ أَشۡيَآءَ إِن تُبۡدَ لَكُمۡ تَسُؤۡكُمۡ وَإِن تَسۡـَٔلُواْ عَنۡهَا حِينَ
يُنَزَّلُ ٱلۡقُرۡءَانُ تُبۡدَ لَكُمۡ عَفَا ٱللَّهُ عَنۡهَاۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٞ ١٠١

*" Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu bertanyakan (kepada nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara-perkara itu (yang tidak dinyatakan di Dalam Al-Quran); kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar."*

## HURAIAN

Islam adalah agama yang mudah. Mudah dalam erti kata dapat dilaksanakan di semua tempat, sesuai pada setiap masa dan bertepatan dengan fitrah kejadian manusia. Oleh kerana Islam adalah agama yang mudah, maka tidak sewajarnya diperberatkan dan dipersulitkan dengan sikap suka mempersoalkan dan mempertikaikan suruhan dan larangan Allah S..W.T. Selain menghalang sesuatu perintah itu dilaksanakan dengan sempurna, ia juga boleh menimbulkan perbalahan dan keraguan pada perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Allah S.W.T tidak membebankan hamba-Nya melaksanakan sesuatu amalan baik kecuali sekadar kemampuan mereka.

## KESIMPULAN

Islam adalah agama yamg mudah dan praktikal. Memberatkan perkara yang mudah sehingga melampaui batas kemampuan manusia hendaklah dijauhi. Islam tidak menyusahkan umatnya sebaliknya manusia menyusahkan diri mereka.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2009 Masjid Negara Online.

MASJID NEGARA Online